



Ruj Kami : JANM BPPP.100-1/8/4 (39)

Tarikh : 25 Mac 2019

Tuan/Puan,

IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN PENOLONG PEREKA GRAFIK GRED B29 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : Penolong Pereka Grafik Gred B29
- (b) **TARAF JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- (d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Sokongan
- (e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
- (f) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
2. **KADAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN** : RM 72.00 sehari
3. **SYARAT LANTIKAN:** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- (d) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang khas **JANM(K)1/2008** yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- (b) Isi borang **JANM(K)1/2008** dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K)1/2008 akan ditolak.
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil persekolahan, salinan surat Beranak dan lain-lain dokumen berkaitan, yang telah disahkan.
- (d) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :
- (i) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - (ii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) tidak ditulis nombor kad pengenalan;
 - (v) tidak diturunkan tanda tangan.

**5. ALAMAT
PERMOHONAN :**

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pegurusan
Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA

6. TARIKH TUTUP :

19 April 2019

7. CATATAN AM :

- (i) Hanya calon-calon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sahaja dipanggil temuduga

- (ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ***enam (6) bulan*** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (iii) Pemohon hendaklah membawa contoh hasil lakaran sebagai lampiran dan perlu bersedia untuk membuat latihan amali semasa temuduga berlangsung.
- (iv) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menurut perintah,


(FAZIYATUN BINTI MOHAMED YAHYA C.A(M))
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan
b.p. Akauntan Negara
Malaysia.